

14 NOV 2000

Syed Razak-Calon

CALON BN BAGI LUNAS DIUMUM PADA 17 NOV, KATA MENTERI BESAR

KULIM, 14 Nov (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas akan diumumkan pada Jumaat ini, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini.

"Saya akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 Nov. Saya akan mengumumkan calon berkenaan sehari selepas itu," katanya kepada pemberita di bilik gerakan BN di Lunas, dekat sini.

Syed Razak yang juga pengerusi BN negeri berkata, mesyuarat BN akan diadakan di sini pada Jumaat dan calon berkenaan akan diumumkan selepas itu.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) hari ini mengumumkan bahawa penamaan calon bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas ditetapkan pada 21 Nov dan jika ada pertandingan, pengundian ialah pada 29 Nov.

Timbalan Pengerusi SPR Datuk Abdullah Zawawi Mohamed berkata dalam satu kenyataan, SPR akan menggunakan daftar pemilih yang diwartakan semalam Ia mengandungi sebanyak 26,746 pengundi berdaftar termasuk 29 pengundi pos.

Jumlah pemilih itu merupakan pertambahan 565 pemilih daripada daftar pemilih 1999.

Kerusi Lunas di Kedah menjadi kosong apabila wakilnya Dr Joe Fernandez ditembak mati di Bukit Mertajam pada 4 Nov.

Ketika ditanya adakah peratusan pengundi Melayu akan berkurangan kerana hari pengundian jatuh pada bulan Ramadan, Syed Razak berkata soal itu tidak timbul.

"Ini merupakan tanggungjawab semua pengundi. Saya minta semua pengundi Melayu supaya keluar mengundi walaupun ketika itu bulan puasa," katanya.

Beliau juga mengumumkan bahawa lebih daripada 40 projek yang menelan belanja RM4 juta pada dasarnya telah dipersetujui untuk dilaksanakan di beberapa kampung di Lunas.

"Projek itu termasuk pembesaran jalan, surau, dewan, dan masjid. Kita akan melaksanakannya segera," kata beliau.

Projek pembangunan itu adalah berterusan. Cuma secara kebetulan kita buat semasa pilihan raya kecil itu," katanya.

-- BERNAMA

MAN AP ZZ FAZ